



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks : 603-8882 4224
Telex : FEDTRY MA 30242
Web : www.mof.gov.my

MOF.600-31/1/5 JLD. 2 (7)(S)

18 Jun 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk Sri/ Datuk/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Dato'/ Dr./ Ts./ Tuan/ Puan,

PINDAAN PERATURAN PEKELILING PERBENDAHARAAN
WP 1.8 – PERATURAN BAYARAN SAGU HATI KEPADA
PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk Sri/ Datuk/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Dato'/ Dr./ Ts./ Tuan/ Puan sedia maklum, pegawai perkhidmatan awam yang dijemput memberikan syarahan/ceramah secara sambilan atau menjadi fasilitator sambilan dalam kursus/ bengkel/ majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan layak diberikan bayaran sagu hati di bawah Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 1.8, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Selaras dengan perkembangan semasa, Kementerian Kewangan (MOF) bersetuju dengan pindaan kepada peraturan seperti berikut:

Perenggan PP WP 1.8	Peraturan	Pindaan
3.1.6	Pensyarah/ penceramah/ fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar sagu hati di bawah Pekeliling ini.	Peraturan ini dimansuhkan.

Perenggan PP WP 1.8	Peraturan	Pindaan
3.1.6	Pensyarah/penceramah sambilan yang memberikan syarahan/ceramah dalam program yang dianjurkan secara dalam talian layak dibayar sagu hati tertakluk syarahan/ceramah dijalankan secara langsung (<i>live</i>) dan pada waktu sebenar (<i>real time</i>), yang mana interaksi dua hala antara pensyarah/penceramah sambilan dan peserta boleh berlaku.	Peraturan baharu.

4. Pindaan peraturan di perenggan 3 di atas adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Pindaan kepada PP ini adalah dalam tindakan MOF dan akan dimaklumkan setelah ianya dimuktamadkan kelak. Sehubungan dengan itu, sukacita dimohon pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk Sri/ Datuk/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Dato'/ Dr./ Ts./ Tuan/ Puan untuk memaklumkan pindaan peraturan ini di Kementerian/Jabatan masing-masing.

5. Pindaan peraturan ini turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan/Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

s.k.:

1. **YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI**
Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

2. **YBHG. DATO' SRI WAN AHMAD DAHALAN BIN HAJI ABDUL AZIZ**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

3. **YBHG. DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI**
Ketua Audit Negara
Pejabat Ketua Audit Negara
Aras 9, Blok F2, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA

4. **YBRS. PUAN NORAYATI BINTI AHMAD C.A.(M)**
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA